

MASJID SSBRPAD ANJURKAN CERAMAH SEMPENA SAMBUTAN ISRAK MIKRAJ



CERAMAH Khas disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Profesor Dato' Dr. Haji Zulkiply bin Haji Muda.

BERAKAS, Sabtu, 18 Februari. - Jawatankuasa Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis Madang malam tadi menganjurkan Ceramah Perdana Khas sempena Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi, di masjid berkenaan.

Ceramah Khas tersebut disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Syariah, Universiti Islam

Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Dato' Dr. Haji Zulkiply bin Haji Muda.

Dalam ceramah tersebut, beliau antara lain menjelaskan bahawa peristiwa Israk dan Mikraj merupakan peristiwa yang sungguh istimewa dan menguji keimanan terutama kepada sahabat-sahabat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Menurut beliau, sebelum terjadinya peristiwa Israk dan Mikraj, dikatakan ketika itu adalah tahun dukacita bagi Rasulullah kerana beberapa peristiwa menyedihkan telah berlaku dalam kehidupan Baginda.

Baginda telah dituji oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan pemergian bapa saudara Baginda, Abu Talib yang merupakan penaung Baginda, dan juga kewafatan isteri kesayangan Baginda iaitu Sayyidatina Khadijah.

Selain itu, Rasulullah juga dilanda dukacita kerana dakwah Baginda tidak diterima seadanya dan sahabat-sahabat Baginda juga telah ditindas.

Profesor Dato' Dr. Haji Zulkiply menjelaskan, pada masa itu Rasulullah rindu pada satu hiburan, dan peristiwa Israk dan Mikraj adalah tasyiyah (hiburan) daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hamzah Mohidin

Baginda.

Semasa peristiwa itu, ujar beliau, Rasulullah dapat bertemu dengan pendakwah-pendakwah masa lalu yakni Nabi-Nabi terdahulu sebelum baginda, yang meningkatkan lagi semangat baginda untuk meneruskan dakwah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Ceramah Khas tersebut ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid SSBRPAD, Awang Muhammad Khaizuran Amal bin Haji Kamsani, disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai yang dipimpin oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Haji Mohd. Ali Wafuuddin bin Haji Osman.

Turut hadir pada ceramah berkenaan ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan jemaah Masjid SSBRPAD serta Ahli-ahli Persatuan OKP (Orang Kurang Pendengaran) Kebangsaan Brunei Darussalam.



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Ceramah Khas tersebut (atas), manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

